

Program Ladang Angkat bantu penternak tingkat produktiviti



MONA AHMAD

mona@bh.com.my

UPM salur khidmat nasihat, kepakaran jadikan projek makmal hidup bagi tujuan penyelidikan

Hanya seorang dua sahaja mengembala ratusan lembu dan kambing dalam satu ladang yang keluasanya beberapa hektar bagi kita, tentunya agak mustahil. Inilah realitinya di beberapa negara pengeluar produk tenusu dan daging dunia.

Pengalaman menyaksikan sendiri bagaimana seorang penternak mampu mengendalikan ladangnya bersama isterinya di Belanda beberapa tahun lalu, benar-benar menyentuh hati penulis melihatkan kelembutan layanan mereka terhadap haiwan ternakan.

Tanpa suara yang tinggi, jauh sekali kekerasan menggunakan kayu dan rotan, haiwan ternakan hanya menurut tuan ladang masuk ke kandang apabila tiba waktunya. Sesekali kelihatan penternak menepuk lembut belakang lembu dan kambing untuk menghalau haiwan itu masuk ke kandang.

Penuh rasa hormat dan kasih sayang, haiwan ternakan menerima layanan terbaik daripada penternak. Berkongsi rahsia layanan seumpama itu, penternak berkenaan mengakui jika haiwan dilayan dengan baik, produk tenusu serta dagingnya lebih enak dan berkhasiat.

Hasil produk berkualiti, selamat

Tanpa menafikan layanan baik diperlukan haiwan ternakan, Penyelaras Unit Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Faez Firdaus Jesse Abdullah, berkata persekitaran, pemakanan dan keadaan penempatan haiwan ternakan memainkan



Pakar dan pelajar UPM' menjalankan latihan klinikal di ladang angkat.

industri itu.

"Program ini berkonsepkan menang-menang. Pakar dari UPM akan menyalurkan nasihat dan tunjuk ajar kepada penternak dan pelajar dibenarkan menjalankan latihan klinikal di ladang angkat ini. Ini adalah kerjasama yang memberi manfaat kepada kedua-dua pihak." katanya ketika ditemui di Ladang Angkat UPM, Tok Seri Buah Agrofarm, Labu, Negeri Sembilan, baru-baru ini.

peranan penting dalam program ternakan bagi menghasilkan produk berkualiti dan selamat.

Justeru, UPM mengorak langkah mewujudkan Program Ladang Angkat sejak September 2011 dengan menjadikan 24 ladang ternakan di sekitar kampus UPM Serdang sebagai ladang angkat dengan menyalurkan khidmat nasihat dan kepakaran dalam

Penyelidikan di ladang terpilih


Umpama makmal hidup, ladang terpilih dijadikan tempat menjalankan penyelidikan bagi pensyarah, penyelidik dan pelajar universiti itu.

“Masalah yang sering dihadapi pihak universiti adalah untuk menempatkan pelajar tahun lima jurusan perubatan veterinar di ladang ternakan yang membolehkan mereka menjalankan latihan klinikal. Dengan adanya program ini, pelajar boleh menjalankan latihan klinikal dan mempraktikkan teori yang dipelajari di samping meningkatkan kemahiran ruminan,” katanya.

Ladang Angkat ini menyediakan medium bagi latihan klinikal bagi pelajar tahun akhir untuk memantapkan kemahiran klinikal mereka dari segi perubatan dan juga mengaplikasi teknik pembiakbakaan.

Penternak dapat mempelajari cara pengurusan dan rawatan haiwan ternakan yang sakit dan mengekalkan tahap kesihatan keseluruhan baik bagi meningkatkan produktiviti ladang. Dengan sistem kesihatan gerompok dan pembiakbakaan yang terancang serta sistematik ia dapat meningkatkan produktiviti dan kadar pembiakan serta pengeluaran *output* susu daripada ladang ternakannya.

Lazimnya, apabila pasukannya memasuki satu-satu ladang, penyiasatan dan analisis makanan akan dilaksanakan dalam



Anak kambing **diasingkan dalam satu tempat.** [FOTO WAN NUR AMIRAH WAN MOHAMED REDZA/BH



“
Program ini
berkonsepkan
menang-menang.
**Pakar dari UPM
akan menyalurkan
nasihat dan tunjuk
ajar kepada
penternak dan
pelajar dibenarkan
menjalankan latihan
klinikal di ladang
angkat ini”**

**Dr Faez Firdaus Jesse
Abdullah,**
Timbalan Naib Canselor
(Penyelidikan dan Inovasi)
UPM



Paip air memudahkan
kambing minum.



tempoh satu hingga tiga bulan untuk mengenal pasti masalah sebelum khidmat nasihat serta kepakaran diberikan.

Selain itu, peserta Ladang Angkat UPM juga disarankan memohon akreditasi Amalan Pertanian Baik atau MyGAP daripada Kementerian Pertanian bagi menambah nilai dalam produk serta pengurusan ladang. Ia adalah amalan pertanian yang menekankan aspek alam sekitar, ekonomi dan sosial untuk memastikan produk yang dihasilkan selamat dan berkualiti.

Dengan adanya sijil MyGAP, ia lebih memudahkan laluan penternak mengeksport berikutan kaedah yang digariskan menjamin keselamatan dan kebajikan pekerja, menghasilkan produk ternakan berkualiti dan selamat dimakan serta mengurangkan pencemaran alam sekitar serta membantu membangunkan industri penternakan negara yang mesra alam dan lestari.

Sementara itu, Profesor dalam Perubatan Ruminan, Jabatan Pengajian Klinikal Veterinar, Fakulti Perubatan Veterinar, UPM, Prof Dr Abdul Azizi Saharee, berkata kerjasama UPM dengan penternak dalam program Ladang Angkat ini termasuk perunding pakar seperti ruminan, parasitologi,

pembiakan (teriogenologi) dan pemakanan ruminan.

Katanya untuk membantu penternak mengatasi masalah yang dihadapi dan meningkatkan produktiviti serta reproduktiviti di peringkat ladang.

UPM adakan jaringan industri

“Ini adalah satu daripada aktiviti UPM dalam mengadakan jaringan industri di sekeliling kampus kami.

Nasihat dan kepakaran turut membabitkan rancangan teliti dalam mewujudkan persekitaran sihat bagi ternakan, isu air kumbahan, alam sekitar dan keselamatan.

“Sama seperti rumah yang tidak tersusun, bersepah dan kotor, tentunya tidak sesuai didiami, begitu juga halnya dengan ternakan. Pengudaraan dan sistem kumbahan yang betul perlu diwujudkan bagi mengelakkan pelbagai penyakit termasuk yang membabitkan pernafasan,” katanya.

Menerusi program ini juga, penternak yang sudah stabil dan berkeyakinan untuk berdikari akan digugurkan daripada program ini. Mereka juga disarankan melatih penternak kecil lain yang baharu berjinak dalam bidang ini.

“
Kerjasama UPM dengan penternak dalam program Ladang Angkat ini termasuk perunding pakar seperti ruminan, parasitologi, pembiakan (teriogenologi) dan pemakanan ruminan”

Prof Dr Abdul Azizi Saharee,
Profesor dalam Perubatan Ruminan, Jabatan Pengajian Klinikal Veterinar, Fakulti Perubatan Veterinar, UPM